

Bajet 2012: Akaun 2 KWSP bantu jemaah haji
The Malaysian Insider
07 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 7 Okt — Kerajaan membenarkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendaftar awal untuk menunaikan haji bermula 2012.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata kaedah yang digunakan ialah melalui penghadangan atau 'ring-fencing' Akaun 2 pencarum sebanyak RM1,300.

"Melalui kaedah ini, wang pencarum sejumlah RM1,300 itu masih kekal dalam KWSP tetapi pencarum sudah boleh mendaftar giliran untuk menunaikan haji.

"Dalam hal ini, kerajaan menyedari ramai golongan berpendapatan rendah menghadapi masalah untuk mendaftar dan mendapat giliran haji kerana tidak mempunyai tabungan minima sebanyak RM1,300," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2012 di Dewan Rakyat hari ini.

Justeru itu, langkah ini bagi membolehkan bakal jemaah haji mendaftar awal, kata Najib yang juga Menteri Kewangan dipetik Bernama Online.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bajet-2012-akaun-2-kwsp-bantu-jemaah-haji/>